



Pada 10 Ogos 2020, SPRM telah menyerahkan peranan Pengerusi serta Sekretariat Meja Bulat Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) kepada Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dalam Mesyuarat Meja Bulat CISM Siri 37 Bil. 1 Tahun 2020. Majlis Penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Sri Shamshun Baharin Mohd Jamil kepada Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Puan Nor'afiza Saim.

Satu Taklimat Pelaksanaan Inisiatif Antirasuah: Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) & Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) serta Seksyen 17A ASPRM 2009 telah diadakan pada 12 dan 19 Ogos 2020 bertempat di Auditorium dan Bilik Gerakan SPRM Ibu Pejabat SPRM Putrajaya. Program taklimat yang dianjurkan oleh Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan ini telah menghimpunkan pegawai-pegawai dari pelbagai kementerian, jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat swasta yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berkaitan CRM/ OACP serta Seksyen 17A.

Sebanyak dua (2) buah Bengkel *Train Of Trainers* (TOT) telah diadakan kepada pegawai-pegawai Sektor Pencegahan SPRM, SPRM Negeri Sabah, SPRM W.P Labuan dan CEO Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Bengkel ini menjadi platform persediaan kepada semua peserta untuk menjadi penceramah dan fasilitator Bengkel CRM & Bengkel OACP yang akan datang. Program anjuran BPMP dan MACA ini juga adalah berdasarkan kepada keputusan MPT (Pencegahan) SPRM bilangan 5 Tahun 2020 agar pegawai di Sektor Pencegahan diberi pendedahan berkaitan dengan pembangunan CRM dan OACP.



Mesyuarat Pembangunan Garis Panduan Amalan Baik Tatacara Mencukupi Di Bawah Peruntukan Seksyen 17A ASPRM 2009 telah diadakan pada 26 Ogos 2020 bertempat di Genting Highlands, Pahang. Mesyuarat yang dijalankan selama tiga (3) hari ini, merupakan kerjasama strategik antara SPRM bersama pemain utama sektor swasta dan badan kawal selia yang julung kalinya diadakan sejak seksyen 17A dikuatkuasakan. Tujuan mesyuarat ini diadakan ialah mendapatkan pandangan daripada pihak berkepentingan dalaman dan luaran SPRM bagi membantu membangunkan dan memperhalusi lima (5) prinsip utama dalam Garis Panduan Tatacara Mencukupi, Jabatan Perdana Menteri selaras dengan Subseksyen (5) Seksyen 17A iaitu *Top Level Commitment, Risk Assessment, Undertake Control Measures, Systematic Review, Monitoring and Enforcement, dan Training and Communication.*

## BENGGEL OACP & CRM SEPANJANG OGOS 2020



- |                     |  |                    |
|---------------------|--|--------------------|
| <b>BENGGEL OACP</b> | 1. AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA        | <b>BENGGEL CRM</b> |
|                     | 2. BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG              |                    |
|                     | 3. DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR                  |                    |
|                     | 4. POLIS DIRAJA MALAYSIA                         |                    |
|                     | 1. PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR      |                    |
|                     | 2. RADIO TELEVISYEN MALAYSIA                     |                    |
|                     | 5. LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA) |                    |
|                     | 6. LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG                   |                    |
|                     | 7. LEMBAGA PERUMAHAN MELAKA                      |                    |
|                     | 8. KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN                   |                    |